



INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN

JABATAN TENAGA MANUSIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JALAN KUCHAI LAMA

58200 KUALA LUMPUR

Telefon Pejabat : 03 - 7981 7495/6
Faks : 03 - 7983 2987
E-mel : p.ilpkl@mohr.gov.my
Laman Web : www.ilpkl.gov.my

PENDAFTARAN SEMESTER LATIHAN PELAJAR SEDIA ADA DAN PELAJAR

BAHARU SESI 2/2020

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR

Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur ingin merujuk SOP Am **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** bertarikh **4 Januari 2021** di mana institusi pendidikan **dibenarkan** melaksanakan latihan dengan mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan oleh Kementerian / Agensi masing-masing

Selaras dengan pengumuman itu, **Pendaftaran Semester Latihan Pelajar Sedia Ada Dan Pelajar Baharu Sesi 2/2020** secara bersemuka di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILP Kuala Lumpur) akan **dijalankan pada 17 dan 18 Januari 2021**.

Justeru ini, semua pelajar diminta hadir mengikut jadual dan mematuhi semua garis panduan yang telah ditetapkan. (Rujuk Lampiran 1).

Pendaftaran Asrama Pelajar Sedia Ada (Berperingkat)

Pelajar Program Diploma dan Sijil : 17 Januari 2021(Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 12.00 tengah hari.

Pendaftaran Semester (Pelajar Sedia ada)

Pelajar Sedia ada : 18 Januari 2021 (Isnin).
Masa : Jam 8.00 pagi
Tempat : Bengkel Masing-masing.
i. Serahan Keputusan Peperiksaan Sesi 1/2020.
ii. Bayaran Tambahan Takaful (Pelajar *intake* Januari 2018, 2019, 2020).

Pendaftaran Semester (Pelajar Baharu Intake Online September 2020)

Pelajar Baharu : 18 Januari 2021 (Isnin).
Masa : Jam 8.30 pagi – 12.00 tengah hari.
Tempat : Dewan Besar ILPKL
i. Pendaftaran Fizikal, Asrama dan bayaran yuran pendaftaran.

Kegagalan pelajar untuk mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan **pelajar tidak dibenarkan mendaftar**.

Maklumat terkini akan dimaklumkan dari masa ke semasa melalui portal rasmi ILP Kuala Lumpur, www.ilpkl.gov.my.

-TAMAT-

PENGARAH
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR
6 JANUARI 2021

PENDAFTARAN SEMESTER LATIHAN PELAJAR SEDIA ADA DAN PELAJAR BAHARU SESI 2/2020

LAMPIRAN 1

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SEMESTER LATIHAN SESI 2/2020 INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR

A. KAUNTER SARINGAN: DI HADAPAN PINTU MASUK ASRAMA

Hanya **pelajar sahaja** dibenarkan turun dari kenderaan untuk saringan kesihatan dan pemeriksaan suhu badan.

B. PENDAFTARAN DAN SARINGAN KESIHATAN

1. Semua Pelajar adalah tertakluk kepada Garis Panduan ini. Pelajar dikehendaki untuk **memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau hand sanitizer, serta menjaga jarak sosial pada setiap masa.**
2. Semua pelajar hendaklah membuat **saringan suhu** di Kaunter Saringan dan **bebas daripada demam serta gejala** seperti batuk, selesema, sakit tekak dan sesak nafas .
3. Jika suhu badan melebihi 37.5°C atau bergejala, pelajar **tidak dibenarkan masuk dan diminta untuk ke klinik kesihatan** berhampiran untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan.
4. Pelajar hendaklah mengisi **perakuan kesihatan** melalui sistem online **JTM Health Visa**, (<http://healthvisa.jtm.gov.my>)
5. Hanya pelajar yang melepassi saringan sahaja dibenarkan masuk ke asrama.
6. Pelajar dan ibu/bapa/penjaga hendaklah jujur dan tidak menyembunyikan maklumat sekiranya ada ahli keluarga masih dalam kuarantin 14 hari / positif Covid-19/PUI (*Patient Under Investigation*). Sekiranya ada, tidak perlu hadir dan maklumkan kepada institut.

C. PENDAFTARAN ASRAMA

1. Hanya **pelajar sahaja** dibenarkan masuk ke asrama.
2. Pelajar akan menginap di bilik yang dibenarkan sahaja.
3. Pelajar **tidak dibenarkan menukar bilik.**
4. Pelajar tidak dibenarkan berkumpul, tidur di bilik pelajar lain.
5. Pelajar yang tinggal di asrama, tidak dibenarkan keluar institut tanpa kebenaran warden.

PENDAFTARAN SEMESTER LATIHAN PELAJAR SEDIA ADA DAN PELAJAR BAHARU SESI 2/2020

D. LAIN-LAIN

1. Insurans/Takaful

Ibu pejabat JTM telah menetapkan skim perlindungan insurans pelajar ILJTM merangkumi dua skim perlindungan **iaitu Takaful Kemalangan Diri Berkelompok (GPA) dan Takaful Hayat Berkelompok (GTT)**.

Skim ini memberikan lebih manfaat bagi memastikan pelajar ILJTM dilindungi 24 jam sehari.

Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar pengambilan sesi 1/2018, 1/2019 dan 1/2020 (**pemegang NDP 01118xxx, 01119xxx dan 01120xxx**) hendaklah membuat penambahan bayaran sebanyak **RM 19.00** semasa pendaftaran semester di bengkel masing-masing.